

atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;

(c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau

(d) menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

3.6.3 Dalam keadaan-keadaan tertentu, Pengarah atau/dan Ketua Unit Peperiksaan dan Penilaian boleh mengubah suai arahan-arahan am pada perkara 3.6.1 mengikut budi bicaranya.

3.7 PELANGGARAN PANDUAN DAN SYARAT PEPERIKSAAN

3.7.1 Pelajar yang melanggar Arahan-Arahan Peperiksaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)(Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).

3.7.2 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana Arahan-Arahan Peperiksaan pada perkara 3.6 boleh dikenakan tindakan seperti berikut :

- (a) Amaran; atau
- (b) Dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata Gred 0.00

3.8 LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

3.8.1 Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

3.8.2 Bagi maksud ini, plagiarisme termasuklah :

(a) Perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data, atau ciptaan orang lain dan mendakwa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri, atau

(b) Suatu cubaan untuk menjojolkan atau perbuatan menjojolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada sumber lain.

3.8.3 Tanpa menjejaskan keluasan perkara 3.8.2, seseorang pelajar memplagiat apabila dia :

(a) menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;

(b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademiknya, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;